

0720

U B233 AAB
MAHATHIR - DAMAI
(I)

KUALA LUMPUR, 29 SEPT. (BERNAMA) -- MALAYSIA MENENTANG APA-APA TINDAKAN MEMPERHEBATKAN SENGKITA IRAQ-IRAN, TIDAK KIRA PIHAK MANA YANG TERBABIT, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI MENGULAS LAPORAN MENGENAI SERANGAN IRAQ YANG BERTERUSAN KE ATAS PUSAT-PUSAT EKSPORT. MINYAK IRAN DAN AMARAN IRAN BAHAWA IA AKAN MENYEKAT IMPORT PENTING SEMUA NEGARA TELUK SEKIRANYA SERANGAN IRAQ ITU BERTERUSAN.

MALAYSIA IALAH ANGGOTA JAWATANKUASA DAMAI ISLAM (IPC) YANG BERSIDANG DI JEDDAH BARU-BARU INI UNTUK MEMBAHRUI USAHA MEMBAWA KEDUA-DUA NEGARA YANG BERPERANG ITU KE MEJA PERUNDINGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU BERKATA, PERSIDANGAN ITU TELAH MERANGKA BEBERAPA LANGKAH TERTENTU YANG AKAN DIAMBIL UNTUK CUBA MENYELESAIKAN SENGKITA YANG TELAH BERLARUTAN SELAMA ENAM TAHUN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK MENERANGKAN LEBIH LANJUT.

DITANYA SAMA ADA IPC AKAN BERBALIK KEPADA PRINSIP ISLAM BAHAWA NEGARA-NEGARA ISLAM YANG BERPERANG YANG ENGGAN BERDAMAI BOLEH DIHUKUM, PERDANA MENTERI BERKATA, PADA MASA INI, JAWATANKUASA ITU SEDANG BERUSAHA UNTUK MEMUJUK KEDUA-DUA PIHAK MENAMATKAN KRISIS MEREKA.-- BERNAMA.

1958MST 29 09 85